

670:  
MAHATHIR 'R'R'R'

OLEH K. BALASUBRAMANIAM

1976  
SEGAMAT, 5 MAC (BERNAMA)-TIMBALAN PERDANA MENTERI BARU, DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERIKRAR AKAN MENJALANKAN TUGAS BELIAU BENGAN SEBAIK-BAIKNYA BAGI FAEDAH DAN KEMAJUAN NEGARA.

"SAYA AKAN MENJALANKAN TUGAS MENGIKUT KEBOLEHAN YANG ADA DAN DENGAN SEDAYA UPAYA MEMELIHARA KEPERCAYAAN YANG DITUNJUKKAN OLEH DATO' HUSSEIN ONN TERHADAP SAYA," KATA BELIAU.

DR. MAHATHIR YANG TIBA DI SINI PAGI INI UNTUK LAWATAN DUA HARI MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA DI RUMAH RIHAT -- KIRA-KIRA LIMA JAM SELEPAS PENGUMUMAN OLEH DATO' HUSSEIN MENGENAI SUSUNAN KABINET BARU.

BELIAU YANG KELIHATAN RIANG DAN TENANG BERKATA, "SAYA SENDIRI TIDAK MENYANGKA PERLANTIKAN TERSEBUT SEHINGGA DATO' HUSSEIN MEMBUAT PENGUMUMAN RASMI." - BERSAMBUNG HM 2317

671:  
MAHATHIR 2 SEGAMAT

DITANYA TENTANG PERASAANNYA BILA DILANTIK TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR BERKATA, 'SAYA TIDAK MENYANGKANYA - TETAPI SAYA BERASA SEDIH DILANTIK TIMBALAN PERDANA MENTERI BERIKUTAN KEMATIAN ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK YANG DIKASEHI RAKYAT.+

TENTANG SUMBANGANNYA UNTUK NEGARA, BELIAU BERKATA +SAYA MEM-PUNYAI BEBERAPA IDEA YANG BOLEH DISALURKAN KEPADA PERDANA MENTERI DAN YANG BOLEH DIGUNAKAN BAGI FAEDAH NEGARA.+

MENGENAI DATO' HUSSEIN ONN MEMANGGIL BELIAU, ENCIK GHAFFAR BABA DAN TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH (SELAKU NAIB PRESIDEN UMNO), BELIAU BERKATA DI PERTEMUAN ITU DATO' HUSSEIN TELAH BERTANYAKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI ROMBAKAN KABINET.

'WALAUPUN KAMI MEMBERIKAN PENDAPAT PERDANA MENTERI BEBAS MEMILIH TIMBALANNYA KERANA ITU ADALAH HAKNYA,' KATA DR. MAHATHIR. --  
BERNAMA 2327/ZCM